

## **KEBERKESANAN PENGGUNAAN PLATFORM FACEBOOK DALAM MENYAMPAIKAN KONTEN AGAMA DALAM MASYARAKAT**

Nurul Niesha Binti Zamri<sup>1</sup>  
Nurul Syaza Afrina Binti Azmi<sup>2</sup>  
Syed Najihuddin Syed Hassan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [nurul.niesha04@raudah.usim.edu.my](mailto:nurul.niesha04@raudah.usim.edu.my))

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [syazaazmi@raudah.usim.edu.my](mailto:syazaazmi@raudah.usim.edu.my))

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [syednajihuddin@usim.edu.my](mailto:syednajihuddin@usim.edu.my))

### **ABSTRAK**

Penggunaan teknologi pada masa kini adalah media sosial, kebanyakan masyarakat menggunakan media sosial seperti facebook untuk mengetahui dan mempelajari ilmu-ilmu agama. Kajian ini bermatlamatkan tentang keberkesanan penggunaan platform facebook dalam menyampaikan konten agama di kalangan masyarakat yang berlandaskan Al-quran dan As-sunnah. Kajian ini menggunakan metodologi antara kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan google form dan rujukan daripada jurnal-jurnal dan juga melayari internet. Di samping itu, kajian ini akan melihat isu berdasarkan sumber yang sahih iaitu Al-quran dan As-sunnah. Hasil kajian ini dijangka dapat memberikan pemahaman seluas-luasnya mengenai penggunaan platform facebook dalam menyebarkan konten-konten agama dalam kalangan masyarakat. Kesimpulannya, facebook memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu masyarakat dalam mengetahui tentang konten-konten agama di era digitalisasi ini. Seterusnya, diharapkan kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang keberkesanan penggunaan platform facebook dalam menyampaikan konten agama.

**Kata Kunci:** Keberkesanan, Facebook, Konten, Agama.

### **Pendahuluan**

Pada era globalisasi ini, media sosial yang kini menjadi kegilaan rakyat Malaysia adalah facebook disebabkan ianya bertepatan dengan kehendak penggunaanya dengan memaparkan konten catatan dan video yang berdurasi panjang dan pendek. Dan ianya adalah salah satu platform yang sangat berguna dan berkesan mengikut lapisan masyarakat dan menghubungkan para pengguna ke serata dunia. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, media merupakan suatu alat perantara dalam menghubungkan komunikasi antara manusia, manakala sosial pula adalah perihal kemasyarakatan dan juga pergaulan sesama manusia.

Penggunaan sosial media dalam menyebarkan konten ilmu agama adalah sangat efektif pada masa kini kerana majoriti lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur yang mempunyai akaun sosial media. Jika dilihat pelbagai isi kandungan yang berkaitan Islam telah banyak tersebar di pelbagai platform seperti Facebook dan sebagainya. Hal Ini merupakan salah satu perkara yang sangat positif dalam perkembangan islam kerana bukan sahaja dapat

dilihat oleh umat Islam akan tetapi dapat juga dilihat oleh pelbagai jenis agama seperti Buddha, Kristian secara tidak langsung dapat menjentik hati mereka untuk memeluk Islam. Di samping itu, kita dapat melihat purata rakyat Malaysia yang menggunakan platform facebook dengan sebaik mungkin atau sebaliknya. Oleh itu, kajian ini adalah keberkesanan dalam menyampaikan konten agama kepada Masyarakat umum.

## **Kajian Literatur**

Terdapat lima perkara yang akan dibincangkan dalam Kajian Literatur iaitu:

### ***Konsep Dakwah Menurut Perspektif Islam dan Sains***

Menurut (E sumadi, 2016) artikel ini membincangkan tentang konsep dakwah menurut Islam, kepentingan al-Quran sebagai rujukan utama dalam aktiviti dakwah, peranan media sosial dalam berdakwah, dan kepentingan menggunakan media sosial dengan bijak.

Menurut artikel (Aan Mohamad Burhanudin, Yayah Nurhidayah, Ulfa Chaerunisa 2019) ini membincangkan konsep dakwah dalam beberapa bahagian termasuk dalam pendahuluan yang menyatakan bahawa dakwah melalui internet digunakan secara meluas dan boleh didapati di pelbagai media sosial. Selain itu, konsep dakwah juga dijelaskan sebagai aktiviti mengajak manusia kepada ajaran Islam yang dijalankan secara aman, lembut, konsisten dan penuh komitmen. Dakwah juga merangkumi ajakan, teladan, dan tindakan konkrit untuk melaksanakan amal kebajikan demi keselamatan dunia dan akhirat.

Menurut artikel (Muh. Nuh Latief 2019) ini membincangkan dakwah adalah suatu usaha dalam rangka proses Islamisasi manusia agar taat dan tepat menaati ajaran Islam guna memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat kelak. Proses penyelenggaraan dakwah terdiri dari berbagai aktivitas, yang dilakukan dalam rangka mencapai nilai tertentu. Nilai tertentu yang diharapkan dapat dicapai dan diperoleh dengan jalan melakukan penyeleggaraan dakwah harus mempunyai tujuan. Tanpa adanya tujuan tertentu yang harus diwujudkan, maka penyelenggaraan dakwah tidak mempunyai arti apa-apa. Bahkan hanya merupakan pekerjaan sia-sia yang akarr menghamburkan pikiran, tenaga dan biaya saja.

Menurut artikel (Badrudin Mohd Nazif 2020) ini membincangkan perspektif Islam, konsep dakwah merujuk kepada usaha untuk menyampaikan ajaran dan nilai-nilai Islam kepada masyarakat dengan tujuan untuk membawa perubahan positif dalam kehidupan mereka. Dakwah juga melibatkan usaha untuk mengajak manusia kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, serta memperbaiki akhlak dan kehidupan sosial umat manusia. Dari perspektif sains, konsep dakwah juga boleh dilihat sebagai satu bentuk komunikasi yang bertujuan untuk menyampaikan mesej-mesej agama kepada masyarakat. Teori-teori komunikasi manusia seperti teori interpersonal, teori komunikasi massa, dan teori komunikasi antarabudaya turut memainkan peranan dalam memahami bagaimana dakwah dapat disampaikan dan diterima oleh masyarakat. Dalam konteks dakwah Islam, penggunaan sains dan teknologi moden juga dapat digunakan sebagai alat untuk menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat dengan lebih efektif. Ini termasuklah penggunaan media sosial, teknologi digital, dan strategi komunikasi yang berkesan untuk mencapai golongan sasaran dengan lebih efesyen.

### ***Kepentingan Media Sosial***

Menurut artikel (Badruddin Mohd Nazif 2020) ini membincangkan kepentingan menggunakan media sosial khususnya Facebook sebagai medium penyampaian dakwah Islamiah. Pengkaji mengetengahkan strategi penulisan teks dakwah Islamiah, fokus mesej dakwah, serta pelbagai strategi penyampaian mesej untuk menarik perhatian khalayak. Mereka menekankan bahawa pemahaman mendalam tentang Islam dan strategi komunikasi yang berkesan adalah perlu dalam menggunakan media sosial untuk dakwah. Selain itu, artikel tersebut turut mengetengahkan kategori mesej dakwah yang dominan iaitu mesej dakwah agama dengan fokus menggalakkan amal soleh.

Menurut artikel (Abd Rasyid Masri, Mahmuddin Mahmuddin, Hamka Mahmud 2022) ini membincangkan kepentingan menggunakan media sosial khususnya Facebook sebagai wadah dakwah (penyampaian syiar Islam). Menerusi kajian ini, diketengahkan bahawa penggunaan Facebook sebagai medium dakwah adalah cara yang inovatif untuk menyebarkan mesej dakwah, dan telah diterima baik oleh orang ramai. Selain itu, artikel tersebut turut mengetengahkan kepentingan menyesuaikan diri dengan platform komunikasi moden dan kesan positif penggunaan media sosial untuk aktiviti dakwah agama.

### ***Peranan Masyarakat dalam Penggunaan Media Sosial***

Menurut penulis (Puji Rianto, Bagas Pambudi 2021) mengulas peranan orang ramai dalam media sosial sangat penting kerana mereka adalah pengguna utama yang mencipta, menggunakan dan berinteraksi dengan kandungan di platform. Orang ramai memainkan peranan dalam menghasilkan kandungan, memberikan maklum balas, dan mempengaruhi pendapat dan trend di media sosial. Selain itu, masyarakat juga berperanan dalam memastikan kelestarian dan keselamatan persekitaran digital dengan menggunakan media sosial secara bertanggungjawab dan mengelak penyebaran maklumat palsu atau berbahaya. Justeru, peranan aktif masyarakat dalam media sosial sangat menentukan dalam membentuk dinamik dan budaya di platform ini.

Menurut artikel (Muh. Iqbal Latief 2019) tersebut membincangkan peranan masyarakat dalam konteks dakwah. Ia menekankan kepentingan masyarakat dalam menerima dan menyahut mesej dakwah, serta peranan masyarakat dalam menyokong dan mengambil bahagian dalam usaha dakwah. Penglibatan masyarakat adalah penting untuk menjayakan aktiviti dakwah, kerana ia dapat membantu dalam menyebarkan mesej dengan berkesan dan memastikan impaknya kepada masyarakat.

Menurut artikel (Jarir 2019) ini mengulaskan satu cara untuk berkomunikasi, bertukar maklumat, dan mengukuhkan hubungan dengan orang lain dalam pelbagai bidang kehidupan. Memungkinkan untuk mendapatkan maklumat terkini, meningkatkan cerapan dan membina hubungan dengan dunia yang lebih luas. Memudahkan persahabatan di tempat kerja, sekolah dan komuniti lain. Memungkinkan untuk mendengar aduan orang ramai, mengisi masa lapang, dan sebagai alat hiburan. Boleh dijadikan sebagai sarana pembelajaran dan menambah ilmu. Justeru, masyarakat mempunyai peranan penting dalam memanfaatkan media sosial sebagai alat komunikasi, persahabatan, pertukaran maklumat dan hiburan dalam kehidupan seharian.

### ***Peranan dalam Media Sosial***

Menurut artikel (Puji Rianto, Bagas Pambudi 2021) ini membincangkan Peranan media sosial amat penting dalam kehidupan masyarakat moden kerana media sosial membolehkan penggunaannya menampilkan diri, berinteraksi, bekerjasama dan berkongsi sesama ahli atau penggunaannya. Media sosial juga mempunyai kedudukan yang tidak jelas, seperti sebagai ruang awam dan swasta, institusi sosial dan ekonomi, serta media alternatif dan arus perdana. Selain itu, media sosial juga boleh menjadi lokasi pengeluaran dan penjana nilai ekonomi melalui data gelagat pengguna. Fenomena curhat dalam media sosial juga menunjukkan bahawa media sosial mempunyai kedudukan yang samar-samar iaitu sebagai media awam dan swasta. Oleh itu, peranan media sosial bukan sahaja sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai institusi sosial dan ekonomi yang menyediakan peluang perniagaan yang hebat.

Menurut artikel (Jarir 2018) ini mengulaskan Saranan perbincangan yang meluas, bertukar maklumat dan mengeratkan silaturrahim dalam pelbagai bidang kehidupan. Membolehkan untuk menjalin semula persahabatan yang telah hilang, mendapatkan maklumat terkini dalam kehidupan seharian, dan meningkatkan wawasan. Memahami pelbagai watak manusia, membina hubungan dengan dunia yang lebih luas, dan mencapai dunia global dalam pelbagai aspek kehidupan. Meluaskan skop persahabatan di tempat kerja, sekolah dan komuniti lain. Memungkinkan untuk mendengar aduan orang ramai, mengisi masa lapang, dan sebagai alat hiburan. Boleh digunakan sebagai alat pembelajaran dan menambah wawasan. Justeru, media sosial mempunyai peranan penting dalam memudahkan pelbagai aktiviti komunikasi, persahabatan, pertukaran maklumat dan hiburan dalam kehidupan seharian.

Menurut artikel (Abd Rasyid Masri, Mahmuddin Mahmuddin, Hamka Mahmud 2022) Peranan media sosial, khususnya Facebook, adalah penting dalam menyampaikan mesej-mesej keagamaan dan da'wah kepada masyarakat dengan cara yang lebih efektif dan inovatif. Media sosial juga digunakan sebagai sumber maklumat dan pengetahuan, termasuk maklumat keagamaan dan da'wah. Selain itu, media sosial memainkan peranan penting dalam menyebarkan tafsir Al-Qur'an dan mesej-mesej keagamaan. Media sosial, seperti Facebook, juga digunakan sebagai medium untuk mempromosikan kegiatan pengumpulan dana untuk pembinaan fasiliti dan infrastruktur pondok agama. Oleh itu, peranan media sosial adalah untuk memudahkan penyampaian mesej-mesej keagamaan, memperluas jangkauan penonton, dan mempercepat penyebaran informasi keagamaan kepada masyarakat.

### ***Transformasi Agama Melalui Facebook***

Menurut artikel daripada (Divinity School Universiti Chicago 2018) mengulas bagaimana platform media sosial lain seperti facebook yang mungkin dapat mempengaruhi kepercayaan dan amalan agama. Ia mencadangkan bahawa platform ini boleh secara aktif membentuk teknologi dan cara kehidupan beragama. Ini adalah sebahagian dari perbincangan lebih luas mengenai determinisme yang teknologi terkini, yang melihat bagaimana teknologi mempengaruhi masyarakat dan tingkah laku seseorang.

Menurut artikel (Abd Rasyid Masri, Mahmuddin Mahmuddin, Hamka Mahmud 2022) mengulas transformasi agama melalui Facebook telah menjadi semakin penting dalam

menyebarkan mesej-mesej keagamaan dan da'wah kepada masyarakat. K.H. M. Arif Marzuki Hasan menggunakan Facebook sebagai medium untuk menyampaikan tafsir Al-Qur'an dan mesej-mesej keagamaan kepada pelbagai golongan masyarakat, termasuk pelajar di Pondok Pesantren Darul Istiqamah di Sulawesi Selatan. Beliau menganggap Facebook sebagai medium yang sesuai untuk menyebarkan mesej-mesej keagamaan, mempromosikan, memperkenalkan, atau menggalakkan masyarakat untuk menyertai usaha pembinaan fasiliti dan infrastruktur untuk Pondok Pesantren Darul Istiqamah Maccopa. Melalui Facebook, beliau juga menggalakkan alumni pelajar untuk menyumbang dalam usaha pembinaan pondok agama, yang memberikan hasil yang luar biasa. Selain itu, Facebook juga digunakan untuk menyebarkan aktiviti da'wah dan pembinaan pondok agama secara berterusan kepada pengguna media sosial. Transformasi agama melalui Facebook juga melibatkan penyampaian tafsir Al-Qur'an secara lisan dan disimpan secara berterusan di akaun Facebook, membolehkan masyarakat untuk mendengar semula atau mengambil bahan-bahan pengajian untuk koleksi peribadi. Selain itu, Facebook juga memainkan peranan dalam menyebarkan mesej-mesej keagamaan dengan gaya bahasa yang mudah difahami oleh pelajar dan masyarakat umum. Ini membolehkan transformasi agama melalui Facebook untuk mencapai pelbagai golongan masyarakat, termasuk generasi muda yang semakin terdedah kepada persekitaran dalam talian. Melalui penggunaan Facebook, transformasi agama dapat mencapai penonton yang lebih luas, termasuk pelajar di pondok agama, masyarakat umum, dan alumni yang terlibat dalam usaha pembinaan pondok agama.


### **Kajian Soal Selidik**

Suatu kajian dibuat melalui platform Google Form bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan masyarakat dan juga pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tentang keberkesanan platform facebook dalam menyampaikan konten agama. Seramai 30 orang yang dapat memberikan responden berdasarkan kajian yang dijalankan. Terdapat beberapa bahagian yang merangkumi kajian soal selidik.

#### **Bahagian 1: Maklumat Responden**


### JANTINA

30 responses




### UMUR

30 responses



### PEKERJAAN

30 responses




Berdasarkan tiga gambar rajah di atas, terdapat 53.3% terdiri daripada responden perempuan dan 46.7% adalah daripada responden lelaki. Di peringkat umur pula terdiri daripada tiga

pilihan dan responden hanya terlibat dengan tiga peringkat umur sahaja iaitu 66.7% adalah yang berumur sekitar 20 sehingga 24 tahun,16.7% berumur sekitar 17 sehingga 20 tahun manakala 16.7% lagi berumur sekitar lebih 24 tahun. Kemudian,terdapat tiga peringkat pekerjaan iaitu pelajar,orang yang berkerja dan juga tidak bekerja.Sebanyak 80% responden terdiri daripada kalangan pelajar,13.3% lagi terdiri daripada responden yang berkerja manakala 6.7% daripada kalangan responden yang tidak berkerja.

## Bahagian 2: Penilaian Tahap Pengetahuan Tentang Keberkesanan Platform Facebook Dalam Menyampaikan Konten Agama.

### 1. Berapakah kekerapan anda menggunakan facebook untuk mencari konten agama?


30 responses



### 2. Adakah anda berpendapat bahawa Facebook adalah satu platform yang sesuai untuk menyampaikan konten agama?

Copy

0 / 30 correct responses



Berdasarkan gambar rajah di atas,majoriti responden yang terlibat kerap menggunakan facebook di antara 1-2 jam.Hanya 33.3% yang menggunakan facebook di antara kurang dari 1 jam. Ini sangat memuaskan kerana penggunaan facebook terlalu kerap juga akan membahayakan mata kerana terdedah terlalu lama dengan cahaya gajet.Manakala 13.3% responden menggunakan facebook antara 2-3 jam dan juga 13.3% juga responden yang

menggunakan facebook lebih dari 3 jam. Kebanyakan responden memilih jawapan ya pada soalan facebook adalah satu platform yang sesuai untuk menyampaikan konten agama. Ini kerana facebook adalah suatu platform yang mudah digunakan oleh masyarakat tidak kira usia muda atau tua. Majoriti penceramah banyak menyampaikan konten agama melalui platform facebook kerana lebih terbuka dan senang untuk semua masyarakat. Manakala ada juga responden yang memilih jawapan tidak dan mungkin terhadap persoalan itu kerana mereka mungkin lebih menyukai platform lain selain facebook contohnya seperti tiktok, instagram dan lain-lain platform lagi.


### Bahagian 3: Keberkesanan menyampaikan konten agama di Facebook.



4. Dalam skala 1-5, dengan 1 sebagai yang paling rendah dan 5 sebagai yang tertinggi, sejauh mana anda berpuas hati dengan keberkesanan menyampaikan konten agama di Facebook?

Copy

30 responses




Pada bahagian ini, kajian menfokuskan pada jawapan tentang Facebook adalah satu platform yang sesuai untuk menyampaikan konten agama? Dan skala sejauh mana anda berpuas hati dengan keberkesanan menyampaikan konten agama di Facebook, peratusan penglibatan responden dalam mengkaji keberkesanan penggunaan platform facebook dalam menyampaikan konten agama dalam masyarakat adalah peratusan yang amat besar iaitu 53.3%

responden berpuas hati tentang keberkesanan menyampaikan agama di facebook. dan agak juga 3.3% tidak berpuas hati tentang keberkesanan dalam menyampaikan agama di facebook. Selain itu, responden-responden memberikan kata-kata positif bahawa menyampaikan konten agama di facebook adalah yang bagus ini kerana facebook adalah salah satu media sosial yang ramai pengguna dan pengguna kini lebih tertarik jika konten agama disampaikan melalui platform tersebut. Di samping itu, responden juga mengatakan bahawa Kerana lebih ramai orang yang menggunakan platform facebook jadi secara tidak langsung orang ramai akan melihat konten-konten agama yang dipancarkan di platform tersebut.

#### Bahagian 4: Cadangan dan Maklum Balas

5. Menurut anda, adakah Facebook menyediakan platform yang mencukupi untuk mempertahankan kepercayaan dan kepatuhan terhadap nilai dan prinsip agama?

30 responses



6. Apakah pandangan anda untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan Facebook dalam menyampaikan konten agama?

30 responses

Untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan Facebook dalam menyampaikan konten agama, cadangannya adalah menggunakan grafik dan media visual yang menarik, berkomunikasi dengan followers melalui QnA serta menyusun jadual konsisten untuk posting agar konten sentiasa dilihat followers

Mempromosikan platform facebook secara terus bagi orang ramai lebih tertarik untuk menggunakan platform tersebut.

Lebih bervariasi untuk menarik minat anak muda

Mengsiarkan video ceramah dengan lebih ringkas, padat dan lebih straight to the point

Saya x gune facebook

Pendakwah bebas memeriahkan lagi platform facebook mereka.

kandungan konten haruslah yang berkualiti

Cadangan dan Maklum Balas Pada bahagian kelima dan terakhir, kajian meminta responden untuk berkongsi jika ada pandangan mereka ntuk meningkatkan keberkesanan penggunaan Facebook dalam menyampaikan konten agama? Berdasarkan kajian yang direkodkan, lebih daripada separuh responden telah mengemukakan cadangan mereka di ruang yang telah disediakan. Antara yang boleh diambil kira adalah responden mencadangkan Untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan Facebook dalam menyampaikan konten agama, cadangannya adalah menggunakan grafik dan media visual yang menarik, berkomunikasi dengan followers melalui QnA serta menyusun jadual konsisten untuk posting agar konten sentiasa dilihat followers. Di samping itu, responden juga berpendapat bahawa Mempromosikan platform facebook secara terus bagi orang ramai lebih tertarik untuk menggunakan platform tersebut. Akhir sekali, cadangan yang agak menarik yang boleh diambil daripada cadangan responden adalah dengan menggunakan platform media sosial untuk berkongsi penceramah haruslah lebih bervariasi membuat konten agama supaya dapat menarik minat anak muda, hal ini kerana jika tidak bervariasi dan tidak kreatif anak muda tidak akan tertarik.

## **Rujukan**

- Aan Mohamad Burhanudin, Y. N. (2019). DAKWAH MELALUI MEDIA SOSIAL. *Jurnal Dakwah Dan komunikasi*.
- Abd Rasyid Masri, M. M. (2022). Da'wah Model Through Facebook Social Media Platform. *Ilmu Dakwah*.
- Ainiyah, N. (2018). REMAJA MILLENIAL DAN MEDIA SOSIAL: MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIA INFORMASI PENDIDIKAN BAGI REMAJA MILLENIAL. *Jurnal pendidikan islam Malaysia, Volume 2, Nomor 2, 221-223*.
- Anshar, M. (2019). Dakwah Multimedia di Situs Jejaring Sosial Facebook. *Jurnal Komunikasi Islam*.
- Bagas Catur Pambudi, P. R. (2021). Media Sosial dan Komodifikasi Sosial Anak Muda. *Komunika: Jurnal Ilmu Komunikasi*.
- Haryadi Arief Nur Rasyid, D. E. (2022). MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIA DAKWAH ALTERNATIF DI MASA PANDEMI COVID-19. *Prosiding Seminar Nasional Program Pengabdian Masyarakat*.
- Jarir. (2018). SOLUSI KONFLIK AGAMA DI MEDIA SOSIAL. *TOLERANSI: Media Komunikasi umat Beragama UIN, Vol. 10, No. 2, 110-114*.
- Latief, M. N. (2019). DAKWAH DALAM PERSPEKTIF MEDIA SOSIAL. *Jurnal Jurnalisa, vol 04 Nomor 1, 62-64*.

- Moch. Fakhruroji, R. R. (2020). Bahasa Agama di Media Sosial: Analisis Framing pada Media Sosial Islam Populer. *Jurnal bimas islam, Vol 13 No. 2*, 207.
- Nazif, B. M. (2020). ANALISIS MESEJ DAKWAH ISLAMIAH DALAM HALAMAN FACEBOOK. *Asian People Journal (Apj)*.
- Nur Aimi Mohd Nasir, J. A. (2015). Facebook dan Media Massa: Keberkesanan dalam Menyampaikan Mesej Alam Sekitar kepada Masyarakat. *Akademika*.
- Prasetia, B. W. (2018). METODE KOMUNIKASI DAKWAH DI MEDIA SOSIAL (FACEBOOK, YOUTUBE, TWITTER, DAN INSTAGRAM). *Inteleksia: Jurnal Pengembangan Ilmu Dakwah*.
- Sumadi, E. (2016). DAKWAH DAN MEDIA SOSIAL: Menebar Kebaikan Tanpa Diskrimasi. *AT-TABSYIR: Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam, Vol. 4, No. 1 Juni 2016*.
- Ulfa Fauzia Zahra, A. S. (2016). Media Sosial Instagram sebagai Media Dakwah. *Tabligh: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam, Vol. 1 No. 2*, 61-73.
- Zenda Rama, A. R. (2021). Strategi Dakwah Lembaga Dakwah Ma'had Izzuddin (LDMI) Dalam Menyebarkan Ajaran Agama Islam Melalui Akun Facebook. *Wardah*, 108-127.